






**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH**



LAPORAN TAHUNAN 2023



2023






LAPORAN TAHUNAN 2023


“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

PENGARAH JAS SABAH

AMIRUL ARIPIN

SILA HUBUNGI

 088-488166

 088-488177



ISI KANDUNGAN

1

PENGENALAN

Isi Kandungan	02
Dari Meja Pengarah	03

2

BAHAGIAN PENTADBIRAN

Carta Organisasi JAS	05
Penjawatan	07
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	09
Laporan Kewangan	10

3

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi	12
Pelesenan Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah	16
Pelesenan Buangan Terjadual	19
Pengurusan Pencemaran Alam Sekitar	26
Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka	29
Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor	36
Pendakwaan dan Tindakan Mahkamah	46

4

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Unit Pendidikan	51
Penguatkuasaan EIA	57
EIA dan Input Pembangunan	62
Kebenaran Bertulis & Pemberitahuan Bertulis	69
Pengawasan Alam Sekitar	74



Dari Meja Pengarah

Amirul Aripin

Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin dan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah Tahun 2023 telah dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Jabatan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencapaian dan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sabah sepanjang tahun 2023.

Saya berharap laporan ini menepati aspirasi semua pihak dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan serta membantu orang ramai memahami peranan JAS dalam penjagaan alam sekitar. Tanggungjawab yang dipikul oleh JAS Negeri Sabah semakin mencabar selari dengan program tranformasi Kerajaan terutama sektor awam yang berpusatkan rakyat, tuntutan masyarakat ke. atas. penggunaan teknologi hijau dalam projek pembangunan dan kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah berjaya melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di lapangan dan rondaan pemantauan pencemaran alam sekitar telah giat dilaksanakan dan ianya telah menampakkan hasil yang positif di mana aktiviti pencemaran dapat dikurangkan.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Agensi-Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pihak Swasta, Rakan Strategik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Sukarela yang begitu komited memberi kerjasama dan sokongan kepada Jabatan ini. Kepada warga kerja JAS Sabah, tahniah dan syabas diucapkan atas semangat dan dedikasi dalam menjayakan pelbagai program. Sesungguhnya keupayaan Jabatan dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti adalah bergantung kepada kakitangan yang berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk mentransformasi diri dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali saya mendoakan agar segala usaha kita diberkati Allah SWT dan mendapat rahmat dariNya.

"PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

AMIRUL BIN ARIPIN

Pengarah


Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah




BAHAGIAN **PENTADBIRAN**




CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH




Carta 1.0 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah Tahun 2023.



Carta 1.1 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Cawangan Tawau bagi Tahun 2023.




Carta 1.3 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sandakan bagi tahun 2023.



Carta 1.4 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sipitang bagi tahun 2023.

LAPORAN PERJAWATAN SEHINGGA BULAN DISEMBER TAHUN 2023



Graf 1.0 : Bilangan perjawatan dan bilangan pengisian perjawatan bagi tahun 2023.

BILANGAN KEKOSONGAN	GRED	BIL
TIMBALAN PENGARAH	C52	1
PEN. PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C29/32	2
PEN. JURUTERA	JA29	2
PEMBANTU TADBIR	N19/22	1

Jadual 1.0 : Bilangan kekosongan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah bagi Tahun 2023.

LAPORAN PERKHIDMATAN



YARAS BIN HJ. YUSUP
JAS SABAH KE JAS WP LABUAN



JOHN ANAK RAMPAI
JAS SABAH KE JAS SARAWAK



AMIR HAMZAH BIN HJ. MUSA
JAS WP LABUAN KE JAS SABAH



ROSLINA DIWA
JAS SABAH KE
JAS IBU PEJ. PUTRAJAYA



JISSAMY JIMMY
JAS CAW. TAWAU KE
JAS CAW. SIPITANG



RICHARD DAUD
JAS CAW. BEAUFORT KE
JAS IBU PEJ. KOTA KINABALU

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



AMIR HAMZAH BIN HJ. MUSA
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED C48



SAHARUDIN BIN SJAMSU
PEN. PEGAWAI KAWALAN
KANAN GRED C32



ADYLINA MOHD YAAKUB
PEN. PEGAWAI KAWALAN
GRED C29



ANUAR BIN MOHD MOKHTAR
PEN. PEGAWAI KAWALAN
GRED C29



ARNIZAM BIN ABDULLAH
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29



ERNIE BIN MADIUS
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29

LAPORAN KEWANGAN

PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS B23 TAHUN 2023

Jumlah Peruntukan Diterima :
= RM 6,865,547.25

Jumlah Peruntukan Dibelanjakan :
= RM 6,865,547.25

"Peratusan perbelanjaan mengurus B23 adalah sebanyak 100 % bagi sepanjang tahun 2023"

PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN P23 TAHUN 2023

Jumlah Peruntukan Diterima :
= RM 568,491.60

Jumlah Peruntukan Dibelanjakan :
= RM 568,288.10

Baki Peruntukan :
= RM 203.50

"Peratusan perbelanjaan pembangunan P23 adalah sebanyak 99.96 % bagi sepanjang tahun 2023"



BAHAGIAN **OPERASI**

BAHAGIAN OPERASI

Jabatan Alam Sekitar Sabah mempunyai tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang bertujuan untuk mengawal pencemaran alam sekitar. Jabatan merekodkan sejumlah 3,837 premis di bawah tanggungjawabnya, terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Premis Yang Ditetapkan (seperti Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah, Buangan Terjadual) dan Premis Yang Bukan Ditetapkan (termasuk Industri dan Bukan Industri).

Pada tahun 2023, sebanyak 2,016 buah premis telah dijadualkan untuk pemeriksaan melalui penguatkuasaan secara arah dan kawal (command and control) serta melalui kaedah desktop enforcement. Sasaran ini termasuk premis di bawah seliaan JAS Cawangan Sandakan, Tawau dan Sipitang. Sebanyak 1,581 pemeriksaan penguatkuasaan telah berjaya dilaksanakan. Pemeriksaan penguatkuasaan ini menyumbang sebanyak 78.4% daripada jumlah sasaran pemeriksaan bagi tahun 2023. Peratusan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 17.3% daripada jumlah pemeriksaan tahun sebelumnya.

Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT), sebanyak 17.4% daripada jumlah pemeriksaan penguatkuasaan yang terdiri daripada Kilang Kelapa Sawit (KKS), Kilang Getah (KG) & Premis Yang Ditetapkan- Buangan Terjadual (PYDT-BT) mencatatkan ketidakpatuhan, termasuk pelanggaran syarat-syarat lesen dan peraturan lain yang berkaitan seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.


Selain itu, Jabatan Alam Sekitar Sabah juga telah menjalankan berbagai operasi khas (Ops) sepanjang tahun 2023. Ops yang telah dilaksanakan termasuk Ops Gempur yang dijalankan secara bulanan, Ops Lembangan yang mengarah ke premis-premis yang menghasilkan efluen perindustrian dan kumbahan, Ops Teras serta Ops Hari Raya yang melibatkan pemantauan premis yang berpotensi mencemari pada musim perayaan. Jumlah premis yang terlibat dengan operasi khas (Ops) sepanjang tahun 2023 ialah sebanyak 162 buah premis keseluruhannya.

Manakala bagi jumlah keseluruhan pemeriksaan penguatkuasaan kategori Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) pula, sebanyak 29.% adalah tidak patuh, dengan majoriti pelanggaran terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, iaitu sebanyak 14.7% diikuti dengan ketidakpatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti

Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, yang mencatatkan sebanyak 5.8%. Hanya 3.5% daripada keseluruhan ketidakpatuhan melibatkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.


Jabatan Alam Sekitar Sabah mengambil serius ke atas ketidakpatuhan yang dilakukan oleh premis. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap semua premis yang gagal mematuhi kehendak dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Notis Arahan di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling, yang menuntut premis untuk membuat penambahbaikan bagi menangani ketidakpatuhan, serta Notis Seksyen 37 Akta yang memerlukan premis untuk menyampaikan maklumat, telah dikeluarkan kepada premis yang tidak patuh. Selain itu, kompaun juga dikenakan kepada premis yang melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Sabah telah mengambil tindakan penahanan operasi kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) terhadap lima premis yang bermasalah.

JENIS PEMERIKSAAN PENGUATKUASAAN DI LAPANGAN




Carta 2.0 : Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di negeri Sabah.

PEMATUHAN MENGIKUT JENIS INDUSTRI



Carta 2.1: Pematuhan mengikut jenis industri



Carta 2.2 : Pematuhan secara keseluruhan bagi jumlah pemeriksaan yang telah dijalankan.

GAMBAR-GAMBAR PEMERIKSAAN PENGGUATKUASAAN DI PREMIS




Gambar 2.0 : Pemeriksaan penguatkuasaan di premis pembuatan berasaskan kayu di Sandakan.



Gambar 2.1: Pengambilan sampel efluen terawat di takat akhir pelepasan bagi tujuan pemantauan.

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT (KKS)

Kilang Kelapa Sawit (KKS) merupakan premis yang dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan dan berlesen di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk menduduki dan beroperasi. Bilangan KKS di negeri Sabah adalah paling tinggi di negara ini. Jumlah ini telah meningkat daripada 80 buah kilang pada tahun 2000 kepada 129 buah kilang pada tahun 2023 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Carta 3.0 : Jumlah kilang kelapa sawit di negeri Sabah pada tahun 1996 sehingga Tahun 2023.


Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan pada tahun 2006 bahawa had pelepasan efluen KKS yang beroperasi di Negeri Sabah diperketatkan berbanding had di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar di negeri ini iaitu kepekatan bagi parameter Oksigen Biokimia (BOD) 3 hari tidak melebihi 20 mg/l dan tiada pelepasan terus efluen ke alur air. Susulan itu KKS di negeri Sabah telah menaiktaraf sistem pengolahan efluen untuk merawat efluen bagi mematuhi had yang ditetapkan di dalam lesen. KKS yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah yang melepaskan efluen secara ke alur air, pengairan tanah, kombinasi pengairan tanah dan kompos adalah di dalam kategori kaedah pelepasan efluen ke alur air. Manakala kategori pelepasan efluen ke atas tanah ialah KKS yang melepaskan efluen ke atas tanah, kombinasi pelepasan ke atas tanah dan kompos serta kombinasi pengairan tanah dan ke atas tanah. Kaedah pelepasan efluen secara kompos sepenuhnya dan kitar semula merupakan kaedah tanpa pelepasan. Maklumat kaedah pelupusan efluen dan bilangan kilang kelapa sawit yang menggunakan kaedah terbabit seperti di Rajah 2 di bawah.

KAEDAH PELEPASAN EFLUEN		2023/ 2024
Alur Air	Pengairan Tanah	99
	Pengairan Tanah & Kompos	23
	Alur Air	0
Atas Tanah	Atas Tanah	1
	Atas Tanah & Kompos	3
	Pengairan Tanah & Atas Tanah	1
Tanpa Pelepasan	Kompos	1
	Kitar Semula & Kompos	1

Jadual 3.0 : Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di Negeri Sabah.

PELESENAN PREMIS KILANG GETAH MENTAH (KGAM)

Sebanyak 3 Kilang Getah Mentah Asli (KGAM) telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Maklumat KGAM di negeri Sabah dari tahun 2007 hingga tahun 2023 adalah seperti di Rajah 3 manakala kaedah pelupusan efluen bagi KGAM di negeri Sabah ialah seperti di Rajah 4.



Carta 3.1 : Jumlah kilang getah di negeri Sabah pada tahun 2007 sehingga tahun 2023

KAEDAH PELUPUSAN EFLUEN	2023/ 2024
Alur Air	3
JUMLAH	3

Jadual 3.0 : Kaedah pelupusan efluen kilang getah di Negeri Sabah.

PERLESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL (BT)

Pada tahun 2023 sebanyak 24 lesen telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah kepada 9 buah syarikat bagi Premis Yang Ditetapkan untuk mengurus buangan terjadual seperti di Rajah 1. Jumlah penghasilan buangan terjadual di negeri Sabah pada tahun 2023 juga ditunjukkan pada Rajah 2.

DAERAH	NAMA PYDT BUANGAN TERJADUAL	JUMLAH LESEN	JENIS LESEN
KOTA KINABALU	Legenda Bumimas Sdn. Bhd.	7	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
			Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Buangan Terjadual
	Sedafiat Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Rawatan Gelombang Mikro
	Pentas Flora (Sabah) Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Kualiti Alam Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual

DAERAH	NAMA PYDT BUANGAN TERJADUAL	JUMLAH LESEN	JENIS LESEN
KOTA KINABALU	NCT Forwarding & Shipping Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Redsoft Solutions Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa E-Waste
	E Concern (Borneo) Sdn. Bhd.	3	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
	Petros Industrial Waste Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	TAWAU	JL Resource Technology	2
Kemudahan Pemerolehan Kembali			
JUMLAH	9 PREMIS		24

Rajah Jadual 3.1 : Bilangan lesen premis Buangan Terjadual di Negeri Sabah pada tahun 2023.

PERLESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL (BT)

Pada tahun 2023, kod buangan terjadual jenis SW 104 iaitu e-waste yang dihasilkan semasa program pengumpulan e-waste isirumah manakala kod buangan terjadual jenis SW 324 halogen paling sedikit dihasilkan bagi tahun 2023. Justeru, berdasarkan rekod penghasilan jumlah buangan terjadual bagi tahun 2023 di negeri Sabah yang menunjukkan corak peningkatan dari tahun ke tahun akibat perkembangan pesat pembangunan negeri Sabah, keperluan pengujudan Integrated Facility bagi tujuan pengurusan pelupusan buangan terjadual amatlah diperlukan.

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
1	SW 101	0.05
2	SW 102	211.38
3	SW 103	27.25
4	SW 104	35,544.09
5	SW 106	0.60
6	SW 109	157.99
7	SW 110	936.02
8	SW 201	13.48
9	SW 202	6,676.52
10	SW 203	3.07
11	SW 204	25,939.34

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
12	SW 205	28,335.00
13	SW 206	14,919.29
14	SW 207	591.90
15	SW 301	42.67
16	SW 302	4.08
17	SW 303	107.94
18	SW 304	5,729.85
19	SW 305	80.96
20	SW 306	1,213.09
21	SW 307	346.07
22	SW 309	13.27
23	SW 310	5,620.01
24	SW 311	40.16
25	SW 312	9.33
26	SW 314	80.85

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
27	SW 315	0.89
28	SW 319	135.67
29	SW 320	10.20
30	SW 321	1,474.53
31	SW 322	2,033.77
32	SW 323	137.05
33	SW 324	0.01
34	SW 325	95.34
35	SW 327	3,035.15
36	SW 401	482.63
37	SW 402	3,425.12
38	SW 403	688.53
39	SW 404	1,448.20
40	SW 405	14.28
41	SW 406	81.77


BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
42	SW 408	69.67
43	SW 409	4,214.44
44	SW 410	1,835.01
45	SW 411	147.49
46	SW 413	20.00
47	SW 414	22.79
48	SW 413	271.68
49	SW 414	397.88
50	SW 416	573.82
51	SW 417	0.22
52	SW 418	118.73
53	SW 419	5,403.76
54	SW 421	10.88
55	SW 422	0.01
56	SW 423	1.79

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
57	SW 408	799.87
58	SW 409	340.11
59	SW 410	7.31
60	SW 411	0.46
61	SW 413	664.56

Jadual 3.2 : Jadual penghasilan buangan terjadual mengikut kod bagi tahun 2023 adalah sebanyak 153,985.88.

PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR


Isu pencemaran alam sekitar terus mendapat perhatian pelbagai pihak. Jabatan Alam Sekitar amat mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak untuk mencegah insiden pencemaran alam sekitar daripada berlaku. Orang awam memainkan peranan yang sangat penting sebagai agen ataupun mata telinga kepada JAS dalam memastikan alam sekitar terus kekal terpelihara. Setiap aduan di bawah bidangkuasa JAS yang diterima akan segera disiasat oleh pegawai penguatkuasa JAS. Bagi tempoh sembilan (9) tahun, aduan pencemaran yang diterima oleh JAS mengalami penurunan dan peningkatan seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4.0.



Carta 4.0 : Tren aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah sepanjang tahun 2015 sehingga tahun 2023.

PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Aduan-aduan pencemaran alam sekitar yang diterima oleh JAS Sabah dibahagikan kepada 8 jenis pencemaran. Tren jumlah aduan berdasarkan jenis pencemaran bagi tempoh tahun 2019 hingga tahun 2023 sebagaimana dipaparkan dalam Carta 4.1 di bawah.




TAHUN	AIR	BT	BB	TANAH	TM	UB	G	LL
2019	56	13	16	7	7	406	0	29
2020	47	12	8	6	8	406	0	29
2021	63	12	19	5	4	299	0	25
2022	53	8	21	4	1	177	0	25
2023	95	4	15	5	4	267	0	29

Carta 4.1 : Tren jenis pencemaran yang diterima oleh JAS Sabah dalam tempoh 2019 hingga tahun 2023.

PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Berdasarkan rekod JAS Sabah, pada tahun 2023 aduan pencemaran udara adalah yang paling tinggi dan penyumbang utama adalah aduan pencemaran udara disebabkan oleh pembakaran terbuka. Sebanyak 190 aduan pembakaran terbuka diterima dan 77 daripada jumlah aduan pencemaran udara adalah aktiviti selain pembakaran terbuka seperti pelepasan asap hitam dari kilang, asap kenderaan, bau dan lain-lain.




Carta 4.2 : Perbandingan aduan pembakaran terbuka dan aduan pencemaran udara selain pembakaran terbuka.



OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK


Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka yang membawa risiko kejadian jerebu setempat. Antara strategi dan tindakan awal yang diambil bagi mencegah berlakunya kejadian jerebu akibat aktiviti pembakaran terbuka adalah pemantauan dan penguatkuasaan melalui rondaan darat. Kawasan pemantauan pembakaran terbuka ditumpukan di kawasan yang mudah terbakar (fire prone area), kawasan yang berpotensi terbakar dan kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka. Kawasan yang mudah terbakar adalah seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.

Selain itu, unit ini bertindak menyiasat aduan awam ke atas aktiviti atau kegiatan pembakaran terbuka. Tahap kesedaran awam yang semakin bertambah baik menyebabkan bilangan aduan terutama dalam isu pembakaran terbuka bertambah. JAS juga turut memantau aktiviti pembakaran terbuka melalui maklumat titik panas yang dicerap oleh satelit. Hotspot (titik panas) yang dicerap melalui satelit NOAA 20 akan disiasat bagi menentukan sama ada berlaku pembakaran terbuka terutama melibatkan pembakaran hutan yang berskala besar. Sebanyak 198 kes aduan pembakaran terbuka diterima dan disiasat oleh JAS Sabah tahun 2023 seperti ditunjukkan di Rajah 1. Manakala bilangan keseluruhan titik panas yang diterima dan disiasat oleh JAS Sabah pada tahun 2023 ialah sebanyak 159 seperti ditunjukkan di Rajah 2. Bermula tahun 2022, hanya hotspot yang mempunyai High Confidence yang dilapor dan perlu disiasat.




Carta 5.0 : Bilangan aduan pembakaran mengikut bulan yang diterima pada tahun 2023

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK




Carta 5.1 : Bilangan titik panas / hotspot mengikut bulan yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura tahun 2023.



Carta 5.2: Jenis punca aduan pembakaran terbuka.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK



Carta 5.3 : Lokasi titik panas dikesan pada tahun 2023.



Carta 5.4 : Bilangan aduan pembakaran terbuka dari tahun 2016 – 2023.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK



Carta 5.5 : Bilangan titik panas dari tahun 2015 – 2023.

Salah satu program yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia sejak tahun 2010 bagi menangani kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali Program Pengurusan dan Pencegahan Pembakaran Terbuka di Tanah Gambut yang Sering Terbakar. Beberapa program telah dilaksanakan di antara programnya ialah pembinaan telaga tiub dan check dam (empangan kecil) yang dibangunkan oleh penggerak projek seperti Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Jadual 1 menunjukkan bilangan projek yang telah dibina dari tahun 2010 sehingga tahun 2023.

BIL	FASILITI	JUMLAH
1	TELAGA TIUB	13
2	PIEZOMETER	4
3	CHECK DAM	11
4	MENARA TINJAU	2
5	PAPAN TANDA	79
6	BILLBOARD	1

Jadual 5.0 : Projek Pencegahan Pembakaran Terbuka Tanah Gambut sehingga Tahun 2023.

BIL	LOKASI	TARIKH PROGRAM
1	MATUNGGONG, KUDAT	29 JUL 2023
2	KOTA BELUD	19 OGO 2023
3	SK NUKAHAN	20 OKT 2023
4	UJI CUBA GAMBUT DI BEAUFORT / KUALA PENYU	17 OGO 2023

Jadual 5.1 : Bilangan program CEPA larangan melakukan pembakaran terbuka yang telah dijalankan pada tahun 2023.

Berikut adalah antara gambar-gambar aktiviti penyiasatan aduan pembakaran terbuka, aktiviti dan program unit sepanjang tahun 2023:



Unit ini juga ditugaskan untuk mengendalikan siasatan aduan tumpahan minyak marin. Selain menyiasat kes tumpahan minyak, Unit ini bertanggungjawab sebagai Sekretariat Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi Pelan Kontigensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP) dan Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Sabah. PTPP Negeri Sabah adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) dan JAS Sabah terlibat dalam memberi input menyediakan PTPP Negeri tersebut. Satu program Latih amal Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) telah diadakan pada 28-30 Ogos 2023.

Gambar program Latih amal Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) adalah seperti berikut:



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Pengenalan

Bilangan kenderaan yang berdaftar dan digunakan di jalan-jalan raya semakin bertambah dari setahun ke setahun di Malaysia amnya dan di Sabah khasnya telah menyebabkan berlaku pencemaran udara akibat daripada pelepasan asap dan gas dari kenderaan berkenaan. Lanjutan daripada itu bagi tujuan mengawal pencemaran udara yang berpunca daripada pelepasan asap hitam kenderaan diesel, gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) kenderaan petrol dan motorsikal serta pelepasan bunyi bising daripada motorsikal, Unit Kenderaan Bermotor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah menjalankan penguatkuasaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya seperti berikut:

- **Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.**
- **Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.**
- **Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.**
- **Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020.**
- **Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motorsikal) 2003.**

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Penguatkuasaan keatas Kenderaan Diesel

Dalam menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel, dua kaedah dilaksanakan iaitu operasi statik dan pemerhatian visual menggunakan kamera video /operasi catat.



Gambar 6.0 : Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan diesel semasa operasi statik dijalankan.



Gambar 6.1 : Sekitar program penguatkuasaan operasi statik berlangsung.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Operasi Gerak dan Operasi Statik

Operasi Gerak dan operasi Statik adalah operasi yang dijalankan bersama dengan agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dan lain-lain agensi berkaitan. Operasi ini tidak tertumpu kepada penguatkuasaan pencemaran pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel sahaja, malah beberapa jenis penguatkuasaan pencemaran daripada kenderaan juga turut dijalankan seperti pencemaran bunyi bising daripada motorsikal dan pencemaran pelepasan CO/HC daripada kenderaan petrol dengan menggunakan mesin gas CO-HC Analyzer melalui kaedah ujian idling di jalanraya.




Gambar 6.2 : Antara agensi yang kerap terlibat bersama dalam Operasi Statik.


UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Operasi Catat / Kamera Video

Operasi Catat (Ops Catat / Video Kamera dilaksanakan oleh pegawai JAS terutama di kawasan-kawasan bandar. Pegawai ditugaskan di lokasi strategik tertentu untuk mencatat nombor kenderaan dan merakam gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan.



Carta 6.0 : Status Jumlah Operasi Statik dan Operasi Catat yang dilaksanakan pada tahun 2023.




Carta 6.1 : Bilangan kenderaan diuji tahun 2023.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Notis Arahan Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Sebanyak 163 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan ke atas pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi bersepadu statik, operasi catat ataupun melalui aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Notis Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.



Carta 6.2 : Bilangan Ops Catat dan Ops Gerak.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Pemeriksaan Keatas Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Kemudahan Yang diLuluskan kemudahan, (KYDL) ialah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor sama ada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996



Gambar 6.0 : Pegawai JAS sedang memerhati ujian ke atas kenderaan Diesel yang dijalankan oleh kakitangan PUSPAKOM.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program Pemeriksaan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) yang memiliki lebih 10 buah kenderaan berenjin diesel dikehendaki menyelenggara satu kemudahan diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian pelepasan asap hitam ke atas kenderaan motornya secara berkala sebagaimana kehendak Peraturan-peraturan Kualiti Alam (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996. Lawatan penguatkuasaan ke atas Fleet Operator adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca.



Gambar 6.2 dan 6.3 : Pegawai JAS sedang memerhati ujian ke atas kenderaan Diesel yang dijalankan oleh kakitangan PUSPAKOM.



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Penguatkuasaan Pengurusan Refrigeran

Pemeriksaan ini dijalankan ke atas mana-mana premis yang menyediakan pengurusan refrigerant dengan memastikan pengurusan refrigerant dikendalikan dengan baik dan pengendali adalah orang yang telah mendapat latihan yang telah diluluskan. Pada tahun 2023 sebanyak 8 pemeriksaan dibuat ke atas premis yang terlibat dengan refrigerant.




Gambar 6.4 : Pegawai JAS memberikan penerangan kepada pemilik premis dan melakukan ujian kandungan gas (refrigerant) yang terkandung dalam tong gas milik premis.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Penguatkuasaan Peraturan 16

Pemeriksaan yang dijalankan ke atas mana-mana terminal pengangkutan awam (kenderaan berenjin diesel dan petrol) tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian (tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih dari 3 minit).




Carta 6.4 : Bilangan Pemeriksaan yang dijalankan berdasarkan Penguatkuasaan Peraturan 16.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program Kawalan Pencemaran Darpada Motosikal

Terdapat dua jenis kawalan pencemaran daripada motosikal yang dijalankan iaitu kawalan pelepasan bunyi bising dan pelepasan gas CO/HC. Program penguatkuasaan ini biasanya dijalankan serentak dalam operasi statik bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Status penguatkuasaan yang dijalankan 100% telah dilaksanakan bagi kedua-dua program.



Carta 6.5 : Bilangan Pemeriksaan yang dijalankan berdasarkan Penguatkuasaan bunyi bising Motosikal dan Penguatkuasaan Pelepasan CO/HC sepanjang tahun 2023.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Pengenalan

Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah merupakan unit yang bertanggungjawab ke atas semakan Kertas Siasatan yang disediakan oleh pegawai penyiasat bagi ketidakpatuhan dan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 termasuklah Subsidiari dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Unit Pendakwaan JAS Negeri Sabah merangkumi dua orang pegawai pendakwa iaitu seorang Penolong Pengarah Kanan (Gred C44) dan seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan (Gred C32) yang melapor terus kepada Timbalan Pengarah (Ketua Bahagian Operasi, Gred 52).

Antara keperluan baru untuk Unit Pendakwaan adalah penyediaan Kertas Siasatan untuk mendapatkan izin mendakwa daripada pihak Pejabat Peguam Negara (PPN) Negeri Sabah bagi mendapatkan izin mengkompaun, susulan berkuatkuasanya Arahan Pejabat Bil.4/2022 (bertarikh 11 November 2022). Sepertimana penyediaan Kertas Siasatan untuk mendapatkan izin mendakwa, Kertas Siasatan juga perlu dikemukakan kepada pihak PPN Negeri Sabah bagi mendapatkan izin mengkompaun.

KERTAS SIASATAN UNTUK TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2023, sebanyak sebelas (11) Kertas Siasatan telah dibuka dan yang mana tujuh (7) kes telah didaftarkan di mahkamah. Manakala, sebanyak lapan (8) kes telah selesai didakwa di mahkamah (kes termasuk kertas siasatan daripada tahun-tahun sebelumnya). Daripada lapan (8) kes yang selesai pada tahun 2023, enam (6) kes adalah kesalahan di bawah Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974, satu (1) kes kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan satu (1) kes kesalahan di bawah (Kumbahan) 2009. Pericaraan kes mahkamah adalah satu (1) di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, satu (1) kes di Mahkamah Sesyen Sandakan dan enam (6) kes di Mahkamah Sesyen Tawau.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Jumlah keseluruhan denda bagi kes-kes mahkamah yang telah selesai didakwa untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM 191, 000.00. Jumlah denda berdasarkan kesalahan adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Jenis Kesalahan	Seksyen/ Peraturan	Bilangan Kes / Kertas Siasatan	Bilangan Pertuduhan	Denda (RM)
Kegagalan pemegang lesen untuk mematuhi syarat-syarat lesen	Seksyen 16(1) AKAS 1974	6	9	148,000.00
Membuang efluen perindustrian mempunyai kepekatan melebihi had di bawah Jadual Kelima PPKAS (EP) 2009	Peraturan 11(1), PPKAS (Efluen Perindustrian), 2009, AKAS 1974	1	3	45,000.00
Membuang kumbahan mengandungi bahan melebihi had di bawah Jadual Kedua PPKAS (K) 2009	Peraturan 7(1), PPKAS (Kumbahan), 2009 AKAS 1974	1	2	13,000.00
Jumlah		8	14	191,000.00

Jadual 7.0 : Senarai kes-kes mahkamah yang selesai pada tahun 2023 dan jumlah denda dikenakan mengikut kesalahan.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

KERTAS SIASATAN UNTUK TAWARAN KOMPAUN

sepanjang tahun 2023, sejumlah empat puluh tujuh (47) Kertas Siasatan telah dibuka oleh pegawai penyiasat yang mana melibatkan sebanyak seratus enam puluh enam (166) tawaran kompaun. Kertas siasatan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen dan Peraturan yang boleh dikompaun dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk tawaran kompaun telah dikemukakan dan disemak oleh Unit Pendakwaan sebelum diangkat ke pejabat PPN untuk kelulusan.

Setakat Disember 2023, sebanyak enam puluh tiga (63) kelulusan mengeluarkan tawaran kompaun berjaya diperolehi daripada pihak PPN manakala baki seratus tiga (103) lagi masih dalam tindakan keperluan maklumat tambahan daripada pihak pegawai penyiasat. **Jadual 2** menunjukkan pecahan tawaran kompaun mengikut jenis kesalahan.

Kesalahan di Bawah Seksyen/Peraturan	Penerangan Kesalahan	Jumlah Kompaun
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005	Peraturan 3- Pemberitahuan pengeluaran BT Peraturan 4- Pelupusan BT Peraturan 8- Tanggungjawab pengeluar BT Peraturan 9- Penstoran BT Peraturan 10- Pelabelan BT Peraturan 11- Pengeluar BT hendaklah menyimpan inventori	151
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	Pelepasan asap melebihi standard	15

Jadual 7.1 : Jenis kompaun mengikut kesalahan sepanjang tahun 2023

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

NOTIS ARAHAN

Sepanjang tahun 2023, sebanyak tiga ratus sembilan (309) Notis Arahan di Bawah Seksyen 31 dan Notis Arahan di Bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pihak industri dan individu atas kesalahan-kesalahan dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Notis Arahan dikeluarkan bertujuan untuk mengarahkan pihak industri dan individu untuk mengambil tindakan penambahbaikan untuk memastikan pencemaran tidak berlaku dan JAS dimaklumkan pelan tindakan penambahbaikan yang akan diambil.

GANTUNG LESEN DAN PENAHANAN OPERASI KELENGKAPAN


Sepanjang tahun 2023, sebanyak empat (4) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) dan Gantung Lesen (GL) telah dijalankan oleh pejabat JAS Cawangan iaitu tiga (3) di JAS Cawangan Tawau dan satu (1) di JAS Cawangan Sandakan. Jumlah ini adalah menurun daripada bilangan GL dan POK bagi tahun 2022 (lapan kes).

Kesemua kes gantung lesen dan penahanan operasi kelengkapan bagi JAS Sabah adalah untuk premis kilang kelapa sawit. Tindakan diambil untuk memastikan kilang yang diambil tindakan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan segera bagi memastikan pencemaran dikurangkan.



BAHAGIAN **PEMBANGUNAN**

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR




Carta 8.0 : Bilangan aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2023.



Carta 8.1 : Bilangan bahan yang telah dimuatnaik dan bilangan pendaftaran Ahli RAS sepanjang tahun 2023.

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Media Massa (Elektronik dan cetak)
Bilangan = 49 hebahan



Media Sosial (FB, Twitter, Instagram, Youtube)
Bilangan = 250 hebahan

Carta 8.2 : Bilangan hebahan yang telah dimuatnaik sepanjang tahun 2023.

Program	Jumlah Pokok
Program Kesedaran Sungai Telipok	200
Kempen Udara Bersih di Sipitang	300
Program Larangan Pembakatan Terbuka	100
Program Komuniti Kg. Pegalan	200
Sambutan Hari Bumi 2023	50
Hari Ozon 2023	100
JUMLAH	950

